

| | | | |
|------------|---------------|---------|----------|
| TARIKH | 6 / 10 / 2012 | SEKSYEN | Nasional |
| MUKA SURAT | 8 | RUANGAN | Nasional |

Jemaah haji sesat diselamatkan

MAKKAH - Unit Khidmat Pelanggan Tabung Haji 'menyelamatkan' 186 jemaah haji Malaysia yang dilapor tersesat selepas menunaikan ibadat di Masjidil Haram.

Pengurus Unit Khidmat Pelanggan Tabung Haji, Rahmat Baba berkata, jumlah itu dicatatkan sejak ketibaan kumpulan pertama jemaah di Makkah pada 26 September lalu sehingga 2 Oktober.

Menurutnya, jemaah yang tersesat itu kebiasaannya merupakan mereka yang baru sampai ke Makkah atau melibatkan jemaah yang berusia 60 tahun ke atas.

"Kita juga berterima kasih kepada jemaah haji Malaysia yang muda kerana bantu jemaah yang sudah berusia ini.

"Tabung Haji mempunyai pasukan peronda yang turut bekerjasama dengan pasukan peronda dari India, Indonesia dan dari negara lain untuk membantu jemaah haji negara masing-masing yang ter-

“ Kita juga berterima kasih kepada jemaah haji Malaysia yang muda kerana membantu jemaah yang sudah berusia ini.”

Rahmat

sesat," katanya kepada wakil media Malaysia, di sini pada Jumaat.

Beliau berkata, rata-rata jemaah haji Malaysia mengalami insiden 'tersesat' apabila gagal mencari jalan untuk pulang ke hotel penginapan masing-masing.

Katanya, kadar itu 'meninggi' selepas solat Zohor ketika suhu sangat tinggi dan menyebabkan jemaah mengalami gangguan orientasi.

Pasukan peronda Tabung Haji terdiri daripada 13 orang dan bertugas selama 24-jam di tempat-tempat strategik di Masjidil Haram. -Bernama